

Mini Seminar Alat Radas Gabungan LC+ GC+MS Konik Tech Bersama Dr. Gibert Oleh Fikrah Technology

Artikel oleh: Zaiahsheila Sidek

Mini Seminar Alat Radas Gabungan LC+GC+MS Konik Tech telah berlangsung pada 10 Julai 2012 (Selasa) jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Sekolah Sains & Teknologi, UMS. Seminar disampaikan oleh Dr. Josep (Joseph) M. Gibert iaitu Pengarah dan Presiden Konik Group yang dijemput khas oleh Syarikat pembekal alat radas, Fikrah Technology Sdn.Bhd. Selangor.

Mini seminar ini dihadiri oleh seramai 20 orang peserta yang terdiri dari wakil setiap jabatan/sekolah seperti Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan, Institut Penyelidikan Bioteknologi, Pusat Persediaan Asasi dan Sains, Jabatan Haiwan Negeri Sabah dan

wakil kakitangan dari Sekolah Sains dan Teknologi sendiri.

Perkongsian ilmu dalam mini seminar yang berlangsung selama dua jam ini menerangkan tentang pembangunan dan penginovasian system terbaru Konik HPLC+HRGC K2 yang dikeluarkan oleh Konik-Tech dan dipatenkan melalui '**TOTAD**' (Through Own Transfer Adsorption Desorption) digabungkan dengan sinergi pengasingan dan potensi pemeringkatan LC dan HPLC kepada pengasingan dan '*Selective Detection & Quantitation*' HRGC membuka dimensi baru melangkaui had dan sempadan dalam bidang penyelidikan.